

UTHM anjur Konvensyen Bandar Diraja

JOHOR BAHRU 23 Julai - Sebanyak lapan resolusi yang mengandungi cadangan tentang pengurusan bandar diraja sama ada di negeri ini maupun negeri lain, dikenal pasti sempena penganjuran Konvensyen Bandar Diraja Malaysia 2013 yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat baru-baru ini.

Kesemua resolusi itu dipersembahkan kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor UTHM yang berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis Persempahan Resolusi Konvensyen Bandar Diraja Malaysia 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini.

Resolusi yang dihasilkan menerusi pembentangan kertas kerja oleh enam panel itu boleh dijadikan panduan bagi menguruskan bandar diraja agar kewujudannya dapat di-

manfaatkan, sekali gus membawa kemajuan kepada sesebuah negeri tanpa mengabaikan usaha memelihara nilai sejarahnya.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Obet Tawil berkata, penganjuran konvensyen yang julung kali diadakan itu mempunyai kesan yang cukup besar kepada seluruh rakyat negeri ini dan negara dalam memahami sejarah dan peranan penubuhan bandar diraja bagi sesebuah negeri.

"Bagi pihak kerajaan negeri, seminar ini amat penting dalam usaha mendapatkan maklumat hasil daripada kajian-kajian ilmiah yang dijalankan untuk memberikan lebih kefahaman berkaitan sejarah penubuhan bandar diraja, kepentingannya dalam mempertahankan sistem pemerintahan raja berperlembagaan serta peranannya dari sudut sosial, ekonomi dan politik," katanya.

Yang turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Datuk Mohamad Aziz; Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin, ahli-ahli Jumaah Majlis Diraja Johor, pegawai kanan UTHM serta peserta-konvensyen.

Terdahulu, kira-kira 300 peserta yang terdiri daripada pakar sejarah, ahli akademik, wakil pejabat istana negeri-negeri dan para penuntut dari seluruh negara hadir mengikuti Konvensyen Bandar Diraja Malaysia 2013 yang diadakan di UTHM.

Antara intipati resolusi berkenaan ialah usaha memelihara dokumentasi sejarah dan peristiwa penting berkaitan bandar dan kota yang diasaskan oleh raja-raja Melayu serta memelihara hasil karya dan kraf tangan unggul bangsa Melayu harus dipertingkatkan dan nilai dan falsafah kehidupan Islam dijadikan se-

bagai teras dalam memelihara integriti kehidupan bermasyarakat dalam sesebuah bandar diraja.

Konvensyen turut mencadangkan agar istana dijadikan sebagai pusat bagi sesebuah bandar diraja termasuk dijadikan sebagai titik kiraan kosong bagi jarak dalam bandar dan daerah selain kawasan kediaman Melayu sebagai kawasan utama perkembangan budaya dan adat istiadat Melayu dalam sebuah bandar diraja khususnya yang mengelilingi kawasan istana.

Turut dicadangkan supaya dibentuk satu Dasar Perbandaran Diraja yang menyeluruh merangkumi aspek kebudayaan dan adat istiadat diraja Melayu, kedudukan agama Islam dan bangsa Melayu serta tidak mengetepikan kepentingan pembangunan ekonomi, politik dan sosial rakyat yang lain.